

**JABATAN KORPORAT**

**TARIKH: 13.02.2025 MASA: 06.00PM**

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**TAKLIMAT PENERANGAN SISTEM PENGURUSAN  
ANTI – BRIBERY (ISO 37001:2016), SISTEM  
PENGURUSAN PEMATUHAN (ISO 37301:2021) DAN  
PERANAN, TANGGUNGJAWAB SERTA AUTORITI AHLI  
MAJLIS DAN PENGURUSAN ATASAN**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**18 FEBRUARI 2025 (SELASA)  
8.30 PAGI**

**THE LIGHT HOTEL, SEBERANG JAYA  
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita dapat bersama-sama pada pagi ini dalam **Taklimat Penerangan Sistem Pengurusan Anti – Bribery (ISO 37001:2016), Sistem Pengurusan Pematuhan (ISO 37301:2021) Dan Peranan, Tanggungjawab Serta Autoriti Ahli Majlis Dan Pengurusan Atasan.**
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada SIRIM Academy Sdn. Bhd. atas kesudian bekerjasama dengan MBSP bagi menganjurkan taklimat yang amat bermanfaat ini.
3. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Yang Berusaha Tuan Amirshah bin Kamarudin kerana sudi berkongsi ilmu dan pengalaman berharga bersama kita hari ini. Tidak dilupakan, terima kasih kepada semua peserta yang hadir dalam usaha memastikan pentadbiran MBSP lebih telus, berintegriti dan mematuhi piawaian antarabangsa.
4. Taklimat ini bertujuan memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai peranan serta komitmen kita dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan *Anti-Bribery* (ABMS) dan Sistem Pengurusan Pematuhan

(CMS). Kejayaan dalam mematuhi piawaian ISO bagi kedua-dua sistem ini amat bergantung kepada sokongan serta dorongan daripada Ahli Majlis dan Pengurusan Atasan MBSP. Selain itu, taklimat ini juga akan membantu meningkatkan komunikasi dalaman di kalangan pengurusan atasan bagi mempertingkatkan lagi kecekapan serta keberkesanan proses kerja di jabatan masing-masing dan antara jabatan dalaman MBSP.

5. Taklimat ini merupakan salah satu inisiatif ke arah sistem pengurusan yang lebih cekap dan berkesan, terutamanya dalam membanteras rasuah dan memastikan pematuhan terhadap peraturan yang telah ditetapkan. ISO 37001:2016 menekankan sistem pengurusan anti-rasuah yang sistematik, manakala ISO 37301:2021 memastikan budaya pematuhan diterapkan dalam setiap aspek pentadbiran. Dengan mengamalkan kedua-dua sistem ini, MBSP dapat terus menjadi sebuah organisasi yang berwibawa, telus dan berakauntabiliti dalam setiap tindakan serta keputusan yang dibuat.
6. Saya dimaklumkan bahawa seramai 53 peserta menghadiri taklimat ini, termasuk saya sendiri. Ini menunjukkan komitmen tinggi daripada Ahli Majlis serta Pengurusan Tertinggi MBSP dalam memahami serta melaksanakan sistem ABMS dan CMS dengan lebih berkesan. Taklimat ini juga akan memberi kefahaman yang lebih jelas tentang peranan, tanggungjawab dan autoriti berdasarkan perundangan yang berkaitan dalam sistem ini di MBSP.

7. Dalam konteks pembangunan MBSP dan Negeri Pulau Pinang, kecekapan pentadbiran dan integriti pengurusan memainkan peranan penting dalam menjayakan agenda pembangunan mampan. Seajar dengan *Visi Penang2030: "A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation"*, pelaksanaan pentadbiran yang telus dan berintegriti adalah asas utama dalam mencapai sebuah negeri yang lebih hijau, maju, dan pintar. MBSP turut menyokong inisiatif ini dengan menumpukan kepada pembangunan infrastruktur lestari, sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap serta penggunaan teknologi pintar bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat Seberang Perai dan Pulau Pinang secara keseluruhannya.
8. Dalam mencapai matlamat *Penang2030*, peranan, tanggungjawab dan autoriti Ahli Majlis serta Pengurusan Atasan menjadi tunjang utama bagi memastikan dasar dan pelaksanaan program dapat dijalankan dengan penuh amanah dan akauntabiliti. Dengan adanya garis panduan dan sistem pematuhan yang jelas, setiap individu yang diberi mandat dalam kepimpinan MBSP dapat menjalankan tugas mereka secara lebih berkesan, bertanggungjawab dan bebas daripada unsur-unsur yang boleh menjejaskan kepercayaan rakyat.
9. Saya berharap agar setiap peserta dapat memberikan perhatian penuh sepanjang taklimat ini dan mengambil manfaat yang diperolehi untuk diterapkan dalam pentadbiran harian.

10. Akhir kata, semoga usaha kita dalam memperkukuhkan integriti dan akauntabiliti di MBSP terus membuahkan hasil yang positif dan memberi impak yang besar kepada kesejahteraan masyarakat.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***